

PM: Kabinet baru mampu penuhi harapan jayakan RMK-9

Um - 15/2/2006

Saya percaya mereka boleh bertugas dengan baik lebih-lebih lagi kita akan laksanakan RMK-9 tidak lama lagi

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

PUTRAJAYA 14 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin barisan Kabinet baru yang diumumkan hari ini mampu memenuhi harapan untuk menjalankan tugas dengan baik.

Abdullah berkata, semua menteri dilantik setelah dipertimbangkan kesesuaian dan hubungan kait jawatan yang diberikan dan mereka sudah pasti dapat memperlihatkan prestasi

yang memuaskan.
"Saya percaya mereka boleh bertugas dengan baik lebih-lebih lagi kita akan melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) tidak lama lagi.

"Kabinet inilah yang akan melaksanakan segala program RMK-9 itu," katanya lagi.
Ketika ditanya kenapa sesetengah menteri ditukar ke kementerian lain atau dinaikkan

pangkat, Abdullah memberitahu beliau mahu menterimenteri yang memegang jawatan tertentu sebelum ini diberi peluang dan tempat di kementerian lain.

Sebagai contoh kata Perdana Menteri, berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan tertentu beliau telah menukarkan Menteri di Jabatan Perdana

PM: Kabinet baru mampu penuhi harapan jayakan RMK-9

um-15/2/2006

Menteri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

“Radzi misalnya mempunyai kelayakan dalam bidang undang-undang dan eloklah diberi peluang mengetuai satu kementerian khusus. Tugas-tugas beliau sekarang akan diambil alih oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Tan Sri Aziz,” katanya.

Mengenai peletakan jawatan Menteri Penerangan Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Perdana Menteri menjelaskan, Abdul Kadir menyatakan hasrat untuk berbuat demikian sejak sembilan bulan lalu.

Bagaimanapun kata Abdullah, beliau meminta Abdul Kadir berkhidmat sehingga pengumuman rombakan Kabinet dibuat.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Adenan Satem pula, kata Abdullah telah membayangkan hasratnya untuk berundur daripada Kabinet dan kembali berkhidmat di Sarawak sebagai Ahli Dewan Unda-

ngan Negeri kawasan Muara Tuang.

Mengenai rasional kemasukan semula bekas Menteri Pertanian, Datuk Seri Effendi Norwawi dalam barisan Kabinet hari ini, Abdullah berkata, Effendi adalah calon Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Menurutnya, Effendi menggantikan Adenan dan Menteri Pelancongan Datuk Dr. Leo Michael Toyad yang juga dari PBB tetapi digugurkan dalam rombakan kali ini.

Effendi kata Abdullah, akan menjalankan tugas-tugas Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sebelum ini di bawah Datuk Mustapa Mohamed.

Ditanya kenapa Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Salleh digugurkan, Abdullah berkata: “Saya fikir jawatan itu patut dipegang oleh orang lain.”

Kepada satu soalan sama ada akan berlaku lagi rombakan Kabinet selepas pemilihan dalam MIC tidak lama lagi, Perdana Menteri berkata, beliau perlu melihat keadaan tersebut terlebih da-

hulu kerana tidak tahu apa yang berlaku pada pemilihan parti berkenaan nanti.

Ditanya mengapa beliau terus memegang dua portfolio iaitu Kewangan dan Keselamatan Dalam Negeri memandangkan ada spekulasi sebelum ini yang beliau akan menumpukan kepada tugasnya sebagai Perdana Menteri sahaja, Abdullah berkata:

“Saya mampu melaksanakan apa yang saya perlu lakukan tanpa mengabaikan tanggungjawab saya.”

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Duit Syiling Songket: Seni Warisan Agung di sini malam ini, Abdullah menggesa barisan anggota Kabinet yang lama dan baru dilantik bekerja keras bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Abdullah berkata, pemilihan barisan anggota baru Kabinet itu adalah berdasarkan pengalaman mereka.

“Saya rasa ini merupakan pasukan yang terbaik yang dapat saya putuskan,” katanya.